

KAJIAN TERHADAP SAMBUTAN MAULIDUR RASUL ANJURAN HABIB AHMAD ISMAIL DI SINGAPURA SERTA PENGARUHNYA TERHADAP GOLONGAN BUKAN ISLAM

Syed Muhammad Adib Termizi Ahmad Al Jafari¹



ABSTRACT

This paper researches on the biggest celebrated Maulidur Rasul in Singapore by Habib Ahmad Ismail. This celebration has become well known in Singapore because of its guests attendance up to 10,000 each time it is organized. However what makes it unique and difference from others celebration is in this celebration, all spectrum of societies are invited regardless of races or religions. The celebration consists of cultural performances and this has been celebration also out of the Maulid's month. This uniqueness is well received from Muslim and non Muslim however it has also received negative comments and accusations in the way it is celebrated that is out of the Islamic teachings. The writer in this paper tries to analyses the way the celebration is celebrated in Shariah perspective by applying Usul Fiqh. By the end of this paper, several impact arising from Maulid organized by Habib Ahmad to the non Muslim attended the celebration.

Keywords: Cultural, Maulidur Rasul

¹ Pelajar Doktor Falsafah (PhD), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, md_adib1@hotmail.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini mengkaji antara sambutan Maulidur Rasul yang terbesar yang diadakan di Singapura, anjuran Habib Ahmad Ismail. Sambutan ini menjadi mahsyur di Singapura kerana kehadiran tetamu yang hampir sepuluh ribu orang pada setiap kali ia diadakan. Tetapi yang menjadikan ia “unik” dan berlainan daripada sambutan yang lain ialah, pada sambutan ini diundang setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Sepertimana diadakan di dalamnya persembahan-persembahan kebudayaan dan ia dianjurkan pada kebiasaannya, di luar musim sambutan maulid. Keunikan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada kaum muslimin dan juga kafirin, tetapi terdapat juga golongan yang menentang dan melemparkan berbagai tuduhan seperti cara sambutan sebegini terkeluar daripada ajaran Islam dan sebagainya. Penulis melalui kertas kerja ini cuba menghuraikan cara sambutan sebegini di sisi Syara’ dengan menggunakan ilmu Usul Fiqh. Pada akhir kertas kerja ini dimuatkan beberapa pengaruh majlis yang dianjurkan Habib Ahmad ini terhadap masyarakat bukan Islam yang menghadirinya.

Kata kunci: Kemasyarakatan, kebudayaan, Maulidur Rasul.

PENDAHULUAN

Habib Ahmad Ismail adalah seorang pendakwah bebas yang sangat berpengaruh di Singapura. Telah mula berdakwah di Singapura semenjak tahun 70-an sehingga kini. Pada setiap tahun, beliau akan menganjurkan sebuah majlis jamuan Maulidur Rasul bersama murid-muridnya di kawasan Bedok Reservoir Road yang terletak di timur Singapura, dan telah mengadakan majlis ini selama lebih kurang 25 tahun. Keunikan majlis ini ialah menerusi persembahan kebudayaan pelbagai bangsa dan di jemput di dalamnya anak-anak yatim, golongan kurang upaya dan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama, sama ada secara perseorangan atau persatuan kemudian para hadirin diberi beberapa hadiah berupa kitab, sejadah, makanan dan sebagainya. Sambutannya amat menggalakkan sehingga mencapai lebih daripada sembilan ribu orang, sehingga majlis ini dianggap adalah antara majlis maulid yang terbesar di Singapura.

Tetapi majlis ini tidak sunyi daripada beberapa kritikan ketika penulis ingin membahaskanya melalui tulisan ini. Kritikan yang paling menonjol dapat dibahagikan kepada tiga iaitu: menjemput orang bukan Islam menghadiri majlis tersebut, mengadakannya di luar bulan maulid serta acara kebudayaan yang di persembahkan di dalamnya.

Menjemput orang bukan Islam menghadiri majlis maulid:

Antara yang menjadikan sambutan Maulidur Rasul anjuran Habib Ahmad Ismail beserta murid-muridnya unik dan lain daripada yang lain, apabila mereka menjemput segenap lapisan masyarakat ke majlis tersebut tanpa mengira bangsa dan agama. Sehingga pada sambutan tahun 2013 yang diadakan pada 16 Jun menyaksikan kehadiran golongan bukan Islam yang amat besar dan tertinggi dalam sejarah sambutan majlis maulid mereka selama 25 tahun, dengan anggaran hampir dua ribu orang bukan Islam yang menghadirinya.

Perkara ini dilakukan dengan tujuan merapatkan hubungan di antara masyarakat Islam setempat dan juga golongan bukan Islam, begitu juga untuk memperkenalkan Islam dan Nabi Muhammad SAW kepada golongan bukan Islam sekaligus menghilangkan tanggapan negatif terhadap agama Islam. Walau demikian terdapat kritikan yang diterima dalam usaha ini iaitu mengatakan sebagai tersesat daripada ajaran Islam, terkeluar daripada konsep maulid dan sebagainya.

Sebelum penulis membahas hukum menjemput golongan bukan Islam meraikan maulid Nabi SAW, terlebih dahulu penulis mendatangkan dalil-dalil yang ringkas tentang pandangan syara' terhadap hukum maulid. Ini kerana pembahasan hukum mengenai menjemput golongan kafir ke majlis maulid adalah bergantung kepada hukum keharusan membuat maulid.

Dalil bagi mereka yang mengharuskan sambutan majlis maulidur Rasul:

i. Dalil daripada al-Quran:

1. Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim: Ayat 5.

وَذِكْرُهُمْ بِيَامِ اللَّهِ

“Dan berilah ingat kepada mereka tentang hari-hari Allah SWT”

Berkata ulama tafsir, yang dimaksudkan dengan hari-hari Allah SWT ialah, hari ketika Allah SWT memberi kemenangan kepada orang beriman dan kebinasaan ke atas orang-orang kafir dan zalim (Al-Qurthubi. T.t: 5. Al-Thabari. 2001: 211). Manakala menurut Ibnu Abbas, Imam Mujahid dan Muqatil, yang dimaksudkan daripada ayat ini ialah, ingatkanlah kepada manusia tentang nikmat Allah ke atas mereka kerana masyarakat Arab menggelar nikmat dengan hari. Seperti perkataan Amru bin Kalsum di dalam puisinya: “Sesungguhnya hari-hari kaum ku sangat bergemerlapan dan panjang” yang di maksudkan ialah nikmat kurnia yang di beri kepada kaumku terlalu banyak dan panjang. (ibid)

Tidak dapat dinafikan bahawa hari kelahiran Nabi SAW adalah hari kemenangan yang terbesar. Dengan kelahiran Baginda, Allah SWT menurunkan kitab-Nya iaitu al-Quran, menghinakan kebatilan serta menzahirkan syariat yang kekal dan menegakkan agama Islam yang suci. Bahkan Imam Al-Sayuthi berkata dalam kitabnya Al-Khasais Al-Kubra bahawa pada hari kelahiran Baginda, syaitan-syaitan dan iblis lakinatullah dirantai (As Sayuthi. 2003:80). Dengan kelahiran Baginda juga syaitan telah berputus asa untuk menyesatkan seluruh anak Adam. Oleh yang demikian hari keputeraan Nabi Muhammad SAW adalah antara hari-hari Allah yang disuruh untuk memperingatinya dan diperingatkannya.

2. Firman Allah dalam surah Ad-Dhuha, ayat 11:

وَأَمَّا بِنْعَمَةِ رَبِّكَ فَحَدَّثْ ﴿١١﴾

“Adapun nikmat Tuhanmu hendaklah dibicarakan”

Menurut Imam Mujahid: Walaupun ayat ini adalah suruhan kepada Nabi SAW tetapi hukumnya ialah umum bagi seluruh umat. Beliau berkata lagi: Yang disuruh kepada Baginda untuk membicarakannya atau menyatakannya adalah al-Quran dan kenabian Baginda. Berkata Al-Hasan bin Ali begitu juga Amru bin Maimun RA: Yang dimaksudkan melalui ayat ini adalah jika salah seorang kamu diberi hidayah untuk berbuat baik, hendaklah dibicarakan kebaikan yang

dibuatnya kepada saudara serta teman yang dipercayainya. Seperti dia berkata, “Semalam Allah mengurniakan ku untuk solat sebegini banyak dan aku diberi untuk beramal dengan ini dan ini” (Al-Qurthubi. T.t:490).

Seperti yang dikatakan oleh Imam Mujahid, suruhan ayat ini adalah umum, iaitu memperkatakan nikmat Allah terutama nikmat Al-Quran dan kenabian Baginda dan jika Nabi SAW sendiri menyebut kemuliaan yang Allah SWT berikan kepada diri Baginda, mengapa tidak kaum muslimin menyambut kelahiran Baginda dan menyebut kemuliaan Nabi mereka di dalam majlis tersebut? Bahkan jika cucu Nabi RA mengatakan ayat ini menyuruh seseorang menyebut hidayah Allah SWT ke atas dirinya sehingga dia dapat beramal soleh maka hidayah dan nikmat terbesar daripada Allah SWT bagi dirinya adalah kelahiran Nabi SAW.

ii. Dalil daripada Hadis:

1. Diriwayatkan oleh Imam Muslim dan Nasai' daripada Muawiyah bin Abi Sufyan radiallahu anhuma:

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ عَلَىٰ حَلْقَةٍ مِّنْ أَصْحَابِهِ فَقَالُوا: «مَا أَجْلَسْتَكُمْ؟ قَالُوا: جَلَسْنَا نَذْكُرَ اللَّهَ وَنَحْمَدُهُ عَلَىٰ مَا هَدَانَا لِلإِسْلَامِ وَمَنْ بَهَ عَلَيْنَا. قَالَ: «إِنَّ اللَّهَ مَا أَجْلَسْتَكُمْ إِلَّا ذَاكُ؟ قَالُوا: وَاللَّهِ مَا أَجْلَسْنَا إِلَّا ذَاكُ. قَالَ أَمَا إِنِّي لَمْ أَسْتَحْلِفُكُمْ تَهْمَةً لَّكُمْ، وَلَكُنْهُ أَتَانِي جَبْرِيلٌ فَأَخْبَرَنِي أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَبْاهِي بِكُمُ الْمَلَائِكَةَ».

“Nabi SAW berlalu di hadapan satu majlis perhimpunan para sahabat lalu bertanya: “Apa yang membuat kamu berkumpul?” Mereka menjawab: “Kami berkumpul untuk mengingati Allah dan memuji-muji-Nya atas kurnia-Nya yang telah menunjukkan kami kepada Islam dan menjadikannya nikmat ke atas kami. Nabi bertanya: Demi Allah apakah kamu tidak berkumpul kecuali kerana yang demikian? Mereka menjawab: Demi Allah kami tidak berkumpul kecuali kerana yang demikian. Nabi SAW bersabda:

Sesungguhnya aku tidak menyuruh kamu bersumpah kerana meragui kamu, tetapi malaikat Jibril telah mendatangiku dan menghabarkanku bahawa, Allah SWT berbangga kepada para malaikat-malaikat-Nya dengan kamu semua.”

(Hadis. Muslim. Kitab: Zikir, doa, Taubat dan Istigfar: Bab: Fadhilat berhimpun di dalam membaca Al-Quran dan zikir: #2701. An-Nasai. Kitab: Adab Qadhi: Bab: Bagaimana menggantikan hakim? J:4. Ms:635-636)

Jelas daripada hadis di atas, para sahabat Nabi mengadakan perhimpunan dan perkumpulan yang menyebut dan mensyukuri di dalamnya nikmat Islam. Nikmat Islam itu merangkumi kebangkitan Nabi SAW Allah SWT meredai perhimpunan itu, bahkan ia menjadi kebanggaan Allah terhadap para malaikat-Nya. Ini menunjukkan perhimpunan sebegini adalah satu perhimpunan yang besar di sisi Allah.

Begitu juga yang terdapat di dalam majlis maulidur Rasul, umat Islam memanjatkan kesyukuran terhadap Allah di atas kedatangan Nabi SAW dan kebangkitan Baginda sebagai Rasul. Mereka membacakan kisah kehidupan kekasih Allah SWT daripada sudut kelahiran, perjuangan, pekerjaan dan sebagainya. Kebangkitan Baginda dapat dibahagikan kepada dua bahagian: kebangkitan zahiriyyah dengan kelahiran Baginda pada bulan Rabi' Awal dan kebangkitan ruhiyyah dengan turunnya al-Quran ke atas diri Nabi yang mulia dan kedua-dua peristiwa ini disambut oleh umat Islam seluruh dunia sejak berzaman lamanya.

Jika pengisian majlis Mawlid itu menyerupai apa yang dilakukan oleh para sahabat daripada mensyukuri nikmat Islam, yang terangkum dalamnya kebangkitan Baginda SAW maka tidak tepat untuk mengatakan bahawa majlis maulid itu sesat dan tidak mempunyai asas yang disandarkan majlis maulid kepadanya. Hanya sahaja para sahabat tidak menggelar perhimpunan tersebut dengan majlis maulidur Rasul sedangkan kita pada hari ini menggelarnya dengan majlis maulidur Rasul. Pengisian keduanya adalah sama dan kaedah fiqh menyebutkan: “Yang diambil kira adalah maksud dan makna perbuatan dan bukan gambaran dan namanya”.

2. Imam Muslim meriwayatkan daripada Abi Qathadah Al-Ansari:

أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ صَوْمِ الْإِثْنَيْنِ؟ فَقَالَ :
«فِيهِ وِلْدَتْ وَفِيهِ أُنْزِلَ عَلَيَّ»

“Bahawa Nabi SAW pernah ditanya mengapa Baginda berpuasa pada hari Isnin. Baginda SAW menjawab “Hari itu adalah hari keputeraanKu dan hari itu juga adalah hari diturunkan wahyu ke atasKu.”

(Hadis. Muslim. Kitab: Puasa: Bab: Disukai berpuasa pada setiap bulan tiga hari: #1162)

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW menyambut hari kebangkitan zahiriyyah Baginda iaitu hari kelahiran dan hari kebangkitan ruhiyyah Baginda iaitu hari Baginda diangkat menjadi Rasul dengan turunnya ayat Quran yang pertama. Maka hadis ini secara langsung memperkatakan sambutan hari keputeraan Baginda atau lebih dikenali dengan Maulidur Rasul.

Jika dikatakan bahawa Nabi SAW berpuasa dan tidak membacakan kepada sahabat peristiwa atau sejarah kelahiran Baginda, maka terdapat dua perkara yang boleh diambil daripada hadis di atas iaitu:

- i. penyambutan hari kelahiran dan kerasulan Baginda.
- ii. cara penyambutan ini dilakukan.

Jika dilihat daripada kedua perkara di atas dan ditanya mengenai tujuan utama hadis ini sama ada bertujuan menunjukkan cara penyambutan atau harusnya membuat sambutan hari kelahiran dan kebangkitan Baginda sebagai Rasul. Maka jawapannya, tujuan utama hadis ini adalah untuk mengasaskan bahawa penyambutan hari keputeraan Baginda adalah harus dan sunat (digalakkkan), manakala cara penyambutan tidak dikhususkan kepada berpuasa sahaja kerana Baginda tidak melarang seseorang itu berbuat amal soleh yang lain pada hari ini kerana itu hadis ini bersifat umum (Al-maliki. T.t:59).

Sebahagian golongan pula berkata sambutan yang dimaksudkan adalah dengan membuat amal soleh dan melaksanakan ajaran Nabi dan meninggalkan larangan Baginda, dan bukan dengan memuji, memberi jamuan dan membacakan kisah serta riwayat kehidupan Nabi SAW Bagi menjawabnya kita mengatakan bahawa, kita bergembira dengan mengikuti Baginda dan juga para sahabat Baginda SAW dan ada antara sahabat Baginda yang menunjukkan kegembiraan mereka kepada Nabi dengan memukul rebana, memuji, melaungkan syair, seperti ketika Baginda SAW memasuki Madinah di dalam peristiwa hijrah (Ibnu Hisyam. 1996. Al-Halabi. 2008). Begitu juga dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Termizi dari Buraidah:

«خرج رسول الله في بعض مغازييه، فلما انصرف جاءت جارية سوداء فقالت: يا رسول الله إني كنت نذرت إن رَدَكَ الله صالحًا أَن أضرب بين يديك بالدف وأتغنى، فقال لها رسول الله: إن كنت نذرت فاضربي».

Maksudnya: “Rasulullah telah keluar dalam sebahagian peperangan Baginda, dan ketika pulang datang seorang hamba sahaya berkulit hitam sambil berkata: wahai Rasulullah sesungguhnya aku telah bernazar untuk memukul rebana dan bernyanyi jika kamu pulang dalam keadaan selamat. Baginda bersabda kepadanya: “jika kamu telah benazar maka pukullah ia.”

(Hadis. Termizi. Kitab: Manaqib: Bab: Manaqib Abu Bakar dan Umar: #3699). Menurut Al-Mubarakafuri dalam mensyarahkan hadis ini bahawa gembira dengan kedatangan dan keselamatan Nabi adalah daripada ibadat (Al-Mubarakafuri. 1998)

Begitu juga sebahagian sahabat memberi jamuan kepada Baginda dalam menunjukkan kasih sayang dan penghormatan kepada diri Baginda, contoh seperti Abdullah bin Jabir yang menyiapkan makanan di dalam peperangan Ahzab untuk Nabi SAW (Ibnu Hisyam. 1996. Al-Halabi. 2008). Tidakkah pekara yang dilakukan di dalam majlis maulid juga dikira perbuatan yang baik, seperti memberi

makan orang, membaca al-Quran, mengikatkan riwayat kehidupan Nabi? Tidakkah ia sama seperti yang dilakukan sebahagian sahabat?

Menurut Sheikh Abdul Hamid bin Sheikh Muhammad Ali seorang guru di Masjidil Haram di dalam kitabnya ‘Kanzun Najah’: Kesyukuran terhadap kelahiran Nabi dan kegembiraan kepada Baginda SAW ditunjukkan dengan bersolat atau berpuasa, sedekah dan membaca al-Quran serta ibadat yang lain dan bukan dengan pekara yang ditegah” (Quda. 2005:52).

Ini adalah sebahagian kecil daripada dalil-dalil umum yang menjadi sandaran terhadap keharusan membuat majlis maulidur Rasul. Adapun perkataan mereka yang menolak maulid dengan hujah bahawa Baginda tidak pernah melakukannya, adalah satu hujah yang tertolak dengan dalil bahawa Nabi SAW berpuasa di dalam menyambut hari kelahiran Baginda dan para sahabat berhimpun dalam mensyukuri kebangkitan Baginda sebagai Rasul. Para ulama telah berijmak, jika Baginda meninggalkan sesuatu ia tidak menunjukkan bahawa pekara itu adalah haram atau makruh kerana perkataan ‘Nabi tidak membuatnya’ adalah bukan cara berdalil atau berhujah di sisi para ulama (jummah. 2006: 137,139 & 141).

Berkata Al-Ghumari, daripada segi akal bahawa Nabi SAW tidak mengerjakan semua pekara yang harus kerana pekara tersebut terlalu banyak dan Baginda seorang yang zuhud di dalam dunia ini, sebagaimana Baginda juga meninggalkan sebahagian perbuatan yang sunat kerana kesibukannya di dalam urusan yang lebih penting atau takut ia akan diwajibkan ke atas umat seperti mengadakan terawih secara berjemaah (Al-Ghumari. 2007: 9-10).

Ini adalah fahaman para sahabat radiallahu anhum, iaitu apabila mereka melihat Baginda meninggalkan sesuatu, mereka tidak berpendapat bahawa pekara itu adalah haram. Seperti Baginda meninggalkan berkhotbah di atas mimbar, para sahabat tidak sefahaman bahawa menggunakan mimbar ketika khutbah atau meletakkannya di dalam masjid adalah haram bahkan mereka mengusulkan kepada Baginda supaya dibuat satu mimbar agar Baginda dapat berkhotbah di atasnya

(Ibnu Hajar. 1986. Ibnu saad. 1997. jummah. 2006). Begitu juga Saidina Bilal di dalam menambah kalimat الصلاة خير من النوم di dalam azan subuh (Ibnu Majah. Kitab: Azan dan sunnahnya: Bab Permulaan Azan & Sunnah dalam Azan: #707 &716), dan Saidina Umar ketika menyuruh Saidina Abu Bakar menghimpunkan al-Quran dan banyak lagi contoh selain itu, mereka tiada berkata “Jika Nabi tidak membuatnya, maka haram bagi kita untuk membuatnya.

Menjemput orang bukan Islam ke majlis maulid:

Jika sambutan maulid adalah harus maka mendatanginya juga diperbolehkan. Adapun menjemput orang bukan Islam menghadiri maulid maka terangkum di dalamnya dua permasalahan:

1. menjamu mereka dengan makanan.
2. mereka meraikan Nabi Muhammad SAW.

i. Menjamu orang bukan Islam:

Islam tidak melarang seseorang Muslim berbuat baik terhadap orang bukan Islam selagi mana dia tiada menyakiti Allah, Rasul-Nya serta orang Islam yang lain. Golongan bukan Islam seperti ini di gelar dengan kafir Zimmi. Umat Islam dilarang menyakiti kafir zimmi bahkan disuruh untuk berbuat baik dengan mereka. Firman Allah dalam surah Al Mumtahanah, ayat 8:

﴿لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الدِّينِ لَمْ يُفَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يَنْجُحُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبْرُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُ الْمُقْسِطِينَ ﴾

“Sesungguhnya Allah tiada melarang kamu terhadap mereka yang tiada memerangi kamu di dalam agama dan mengusir kamu dari rumah kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap mereka, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”.

Ini termasuk memberi makan kepada mereka. Ini berdalil dengan umum sabda Nabi bahawa sedekah terhadap setiap jiwa yang bernyawa itu mempunyai ganjaran.

عن أبي هريرة أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: فِي كُلِّ كَبْدٍ

رَطْبَةُ أَجْرٍ.

Yang bermaksud: Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: “Bahawa di dalam setiap nyawa itu terdapat (pahala) sedekah.”

(Hadis. Bukhari. Kitab: Adab: Bab: Menolong orang miskin: #6009)

Begitu juga akhlak Baginda yang memberi makan kepada orang Mekah dengan menyuruh Tsumamah ibn Athal menghantar barang makanan dari Yamamah kepada muysrikin Mekah setelah beliau memutuskan penghantaran ini setelah memeluk Islam (ibnu Atsir. T:t: 348). Suruhan itu mencakupi segenap lapisan manusia tanpa mengira bangsa dan agama, walau terdapat beberapa pengecualian daripada lafaz umum ini.

- a. Pengecualian terhadap kafir Harbi yang memerangi orang Islam dan menyakiti Allah dan Rasul-Nya. Maka kafir seperti ini tidak boleh disantuni.
- b. pengecualian terhadap sebahagian waktu. Iaitu tidak boleh menjamu orang kafir di siang Ramadhan (Al-Ramli.2012. Al-Razi. T:t. Ibnu Qudamah. T:t).
- c. pengecualian terhadap makanan. Iaitu tiada boleh menjamu mereka dengan daging kurban dan harta zakat (Al-Haitami. T:t: 364).
- d. pengecualian terhadap tempat jamuan. Iaitu tidak boleh menjamu seorang kafir di dalam tanah haram kerana mereka dilarang memasukinya begitu juga masjid-masjid mengikut sebahagian pendapat ulama yang tidak membenarkan orang bukan Islam memasuki masjid sama sekali atau kecuali dengan sebab (Al-Syirazi. T:t: 258. Ibnu Muflih. 1997: 382).

Jika kempat-empat yang dikecualikan ini tidak terdapat di dalam jamuan seorang Muslim terhadap seorang bukan Islam maka jamuan itu tidak dilarang, walau ia adalah jamuan maulid, kerana tiada dalil atau *Khitab* yang menunjukkan demikian itu. Dan sesuatu yang tidak dilarang maka hukumnya adalah harus (Al-Zuhaili. 2004).

ii. Orang bukan Islam meraikan majlis mawlid:

Jika diperhatikan dalam sejarah didapati bahawa manusia yang pertama yang meraikan hari keputeraan Baginda ialah seorang yang bukan Islam iaitu Abu Lahab yang merupakan bapa saudara Baginda. Beliau diriwayatkan bergembira dengan kelahiran Baginda dan lalu membebaskan hambanya yang bernama Tsuwaibah. Dengan kegembiraan ini, Allah SWT memberinya keringanan di dalam neraka pada setiap hari Isnin. Ini adalah kemurahan yang ditunjukkan Allah kepada hamba-hambanya dan bukanya amal soleh seseorang kafir itu dapat memanfaatkannya di akhirat (Bukhari. 1986M. J:9. #5101. Ibnu Hajar Al-Asqalani. 1986M: 49).

Begitu juga dapat dipastikan jika mana Nabi Muhammad SAW dibangkitkan dalam kalangan mereka (golongan bukan Islam) sudah pasti mereka akan menyambut hari keputeraan Baginda setiap tahun, ini dapat dibuktikan melalui penyambutan mereka terhadap hari nabi-nabi mereka atau orang yang dianggap suci di dalam agama mereka, kerana kebangkitan Nabi Muhammad SAW telah disebutkan di dalam kitab-kitab mereka (Jummah. T.t:18).

Selain daripada itu, tujuan menjemput mereka hadir di dalam majlis ini adalah bagi memperkenalkan mereka terhadap akhlak Baginda, perjuangan serta kasih sayang Baginda terhadap semua bangsa manusia dan pembelaan Baginda terhadap orang-orang Islam dan bukan Islam. Ini adalah sesuatu yang amat diperlukan pada hari ini apabila kesucian Islam dicemari dan kehormatan Baginda dikotori dengan berbagai-bagai tuduhan. Ini peluang yang baik untuk menerangkan dan memperbetulkan tanggapan yang salah ini melalui majlis Nabi SAW sendiri. Kalauolah Baginda mengizinkan orang yang bukan Islam masuk ke dalam masjid Baginda untuk mempelajari Islam, seperti kisah Tsumamah yang diikat di tiang masjid (ibnu Atsir. T.t: 348). Maka apakah yang menghalang kita untuk menjemput mereka datang ke majlis keputeraan Baginda agar mereka lebih mengenali kekasih Allah ini.

2. Melaksanakan maulid di luar bulan maulid:

Pada kebiasaananya masyarakat Islam mendirikan majlis maulidur Rasul pada bulan Rabiul Awal, Rabiul Tsani ataupun Jamadil Awal, kerana apabila sesuatu peristiwa itu tiba pada hari kejadiannya

peringatan terhadap peristiwa dan kejadian itu semakin kuat kerana dorongan atau faktor masa yang berkait dengan peristiwa tersebut. Tetapi tidak kurang juga mereka yang mendirikan maulid di luar bulan-bulan tersebut, termasuk Habib Ahmad Ismail dan murid-muridnya.

Ini disebabkan maulid anjuran mereka adalah secara individu dan tidak bergantung terhadap mana-mana persatuan sama ada daripada segi bantuan fizikal atau material. Oleh yang demikian, mereka amat memerlukan masa dan waktu bagi merancang maulid sebesar ini agar ia diuruskan dengan teratur dan baik, lebih-lebih lagi majlis mereka mendapat perhatian daripada berbagai-bagai lapisan masyarakat dan bangsa. Ini yang menyebabkan maulid anjuran mereka adakalanya diadakan di luar bulan sambutan maulid secara umumnya.

Hal ini mendapatkan kritikan yang mengatakan sambutan maulid ini berlaku di luar masanya berasal daripada kejahilan yang mendalam terhadap sejarah Rasul, sifat melampau di dalam membesarkan Nabi SAW, mencari keuntungan daripada majlis maulid dan sebagainya. Tambahan mereka ingin mengkhususkan sambutan maulid hanya pada bulan yang tertentu di dalam setahun.

Jika di semak dari kaedah Usul Fiqh bahawa, mengkhususkan sesuatu hanya pada masa tertentu atau tempat tertentu atau individu tertentu, memerlukan dalil (Az Zuhaili. 2004: 254), sehingga mahsyur di dalam ilmu Usul mengkhususkan sesuatu yang umum tanpa dalil yang menunjukkan terhadap pengkhususan itu adalah bathil dan di tolak *تخصيص بلا مخصوص باطل*. Didapati mereka yang hendak mengehadkan pendirian majlis maulid hanya di dalam bulan Rabiul Awal, Rabiul Thani tidak mempunyai sokongan daripada dalil syari' yang menyatakan demikian.

Tujuan mengadakan majlis maulid adalah untuk mengingatkan manusia terhadap Nabi mereka, menyuburkan kembali kasih dan rindu kepada Baginda, berpesan-pesan akan sunah Baginda serta ia merupakan antara cabang-cabang untuk menunjukkan kegembiraan terhadap kelahiran dan perutusan Baginda sebagai Rasul, dan ini tidak seharusnya dihadkan pada sesuatu masa yang tertentu dan terhad. Kerana hari kelahiran Nabi SAW bukanlah hari raya yang datang setahun kemudian menghilang setahun, bahkan ia lebih mulia berbanding hari raya puasa dan Adha kerana jika Baginda tidak lahir maka tidak akan diturunkan Al-Quran,

tidak akan terjadi Isra dan Mikraj, tidak akan terjadi kemenangan Badar, dan selain daripada yang tersebut. Barangsiapa yang menganggap kegembiraan dengan kelahiran Nabi hanya setahun sekali seperti hari raya maka dia adalah seorang yang jahil! Inilah yang di katakan oleh Prof Dr. Syed Muhammad bin Alwi Al-maliki Al-Hasani (Al-Maliki. T.t:89).

Tambahan pula, memperingati dan mengingatkan umat kepada Nabi SAW tidak hanya khusus pada bulan ini, bahkan hendaklah sepanjang tahun umat disemaikan dengan kerinduan kepada Baginda dan disuburkan hati mereka dengan kecintaan kepada Baginda, dan tiada majlis yang menjurus ke arah itu kecuali majlis maulid iaitu di dalamnya dibacakan kisah kehidupan dan perjuangan Baginda, dibacakan pujian terhadap Baginda dimuliakan anak yatim, fakir miskin dan digembirakan umat dengan Nabi SAW.

Berkata Dr. Syed Muhammad Alwi “Seharusnya perhimpunan mengingati kelahiran Baginda SAW dilakukan sepanjang tahun, diraikan setiap masa dan waktu dan setiap kali mempunyai peluang dan pada setiap majlis yang ada padanya kegembiraan (seperti kelahiran anak, perkahwinan dan sebagainya) dan hendaklah ia diperhebatkan pada bulan kelahiran Baginda, kerana jiwa anak Adam apabila menyambut sesuatu pada masa dan harinya akan bertambah penghayatan terhadap pekara tersebut”. Beliau menambah, jika seseorang bertanya “mengapakah kamu menyambut mawlid pada bulan selain bulan mawlid?” Soalan ini sama seperti dia bertanya “mengapakah kamu bergembira dengan Nabi SAW di luar bulan kelahiran Baginda?” (Al-Maliki. T.t:11-12).

Menurut Sheikh Ahmad Abdul Baqi; Menghususkan satu malam untuk menyambut kelahiran Nabi SAW adalah sesuatu pekara yang menyediakan Nabi SAW dan umat Islam, iaitu seakan dia berkehendak bahawa tidak harus mensyukuri kedatangan Nabi SAW kecuali sekali di dalam setahun. Beliau menambah lagi, barangsiapa menyangka bahawa kami mengkhususkan satu hari atau zaman dan waktu yang tertentu di dalam sambutan ini adalah orang dan golongan yang jahil, bahkan sambutan ini hendaklah diteruskan sepanjang waktu agar umat Islam sentiasa hati mereka tergantung di dalam kerinduan kepada Nabi SAW (Daimah. 2004: 38-39).

Selain daripada itu Allah SWT berasarkan firman di dalam surah Ibrahim ayat ke lima: ﴿وَذْكُرْهُمْ بِيَامِ اللَّهِ﴾ “Dan berilah ingat kepada mereka tentang hari-hari Allah SWT”. Tidak diragukan lagi bahawa hari keputeraan Baginda adalah antara hari kebesaran Allah SAW kerana Allah SWT telah menjanjikan kedatangan hari ini sejak daripada sebelum penciptaan Adam Alaihi salam. Ketika Allah menyuruh memperingati hari-harinya, Allah tidak meletakkan sebarang syarat seperti dikatakan, “Dan berilah ingat kepada mereka tentang hari-hari Allah, apabila sampai hari dan masanya” tetapi perkataan “Berilah ingat” itu diumumkan bagi menunjukkan bahawa yang dimaksudkan ialah adanya peringatan, tetapi masanya hendaklah tidak dikhususkan. Tetapi hati dan naluri manusia akan lebih cenderung memperingati sesuatu dengan hebatnya apabila sampai masa atau hari kejadian itu.

Jika dikatakan bahawa yang mengkhususkan ayat tersebut begitu juga sambutan maulid adalah adat yang berjalan dalam sesebuah masyarakat yang meraikan sambutan ini pada bulan tertentu. *تخصيص بالعادة* Jumhur ulama tidak menganggap pekara ini sebagai hujah atau dalil yang dapat mengkhususkan umumnya sesuatu pekara. Ini disebabkan keumuman itu datang daripada lafaz syara' dan ia adalah hujah, manakala pengkhususanya pula terbit daripada adat kelakuan manusia dan ia bukan hujah sehingga dapat mengkhususkan sesuatu yang umum yang datang melalui syara' (As Syirazi. 1957: 21. As Syaukani. 1937: 161).

Jika diambil pendapat mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa adat mengkhususkan umum (As Syirazi. 1957:21. As Syaukani. 1937: 161), ia masih tidak dapat mengkhususkan sambutan maulid Nabi hanya boleh dibuat pada bulan maulid. Ini disebabkan sambutan maulid Nabi pada bulan tertentu hanya sesuatu pekara yang dapat dimasukkan dalam kategori kebanyakan dan bukannya adat. Kerana umat Islam sejak zaman dahulu tidak mengkhususkan sambutan maulid pada bulan tertentu dan tidak terkecuali juga di Tanah Melayu ini. Kita mendapati majlis ini diadakan ketika majlis perpindahan rumah, pernikahan, kelahiran, khitan dan pada keadaan-keadaan yang lain. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa adat masyarakat Islam adalah mengadakan majlis ini sepanjang tahun dan bukannya pada waktu yang khusus di dalam setahun. Maka dengan ini adalah hujah bagi mereka yang merayakan maulid sepanjang tahun dan

bukannya hujah bagi mereka yang berkehendak maulid diadakan pada bulan yang tertentu di dalam setahun.

Oleh kerana tujuaan maulid adalah untuk memperingati Nabi SAW maka adalah baik jika ia didirikan sepanjang tahun, kerana itu sebahagian ulama mendirikannya sekali pada setiap bulan manakala sebahagian yang lain mendirikannya seminggu sekali walau di dalam majlis yang kecil, kerana majlis ini bukanlah satu majlis yang berkumpul manusia di dalamnya kemudian bersurai tetapi ia adalah wasilah bagi dakwah Islamiyah kerana itu Ibnu Jauzi di dalam kitabnya mengatakan: "Dan jika kami mendirikan majlis maulid pada setiap hari untuk Ahmad maka ia adalah sebuah kewajipan". (Ibnu Jauzi. T.t: 7).

Mengadakan persembahan kebudayaan di dalam majlis mawlid:

Selain mengadakan acara kebiasaan di dalam maulid seperti bacaan rawi, nasyid dan qasidah, Habib Ahmad turut mengadakan acara kebudayaan pelbagai bangsa seperti persembahan kompang, dikir barat apabila keduanya diisi dengan memuji Allah dan Rasul serta nasihat, seni mempertahankan diri, permainan gendang China, seni di dalam bahasa Melayu, arab, China, India dan lain-lain bahasa, tarian kebudayaan seperti Saman dan Bhangra yang dipersembahkan oleh kanak-kanak. Acara sebegini tidak disenangi oleh sebahagian golongan dan menyifatkannya sebagai penipuan dajal terhadap masyarakat Islam Singapura. Mereka menginginkan sambutan maulid dijalankan secara tradisi dengan membaca al-Quran, mawlid dan syarah.

Pada penelitian penulis, acara-acara tradisi di dalam sambutan maulid tetap di jalankan dalam sambutan maulid Habib Ahmad kecuali ia ditambah dengan beberapa acara kebudayaan. Jika disusuri sejarah Islam di tanah Melayu ini khususnya, perkembangan Islam tidak dapat dipisahkan dengan budaya, bahkan Islam merangkul budaya untuk menyampaikan ajarannya. Pada hakikatnya pendakwah Islam juga merangkul budaya untuk menyampaikan ajarannya. Dengan merangkul budaya, Islam menjadi lebih mudah diterima masyarakat. Budaya boleh sahaja digunakan untuk metode dakwah, selagi mana tidak bertentangan dengan nilai-nilai dalam Islam (Hasan. 2007: 145&149). Daripada situ, Islam telah membahagikan budaya menjadi tiga bahagian:

Pertama: Kebudayaan yang tidak bertentangan dengan Islam.

Kedua: Kebudayaan yang sebahagian unsurnya bertentangan dengan Islam, kemudian di “rekonstruksi” sehingga menjadi Islami. Contoh yang paling jelas, adalah tradisi Jahiliyah yang melakukan ibadah haji dengan cara-cara yang bertentangan dengan ajaran Islam, lalu Islam datang untuk meronstruksi budaya tersebut, menjadi bentuk “Ibadah” yang telah ditetapkan aturan-aturannya. Contoh lain adalah kebudayaan Arab untuk melantunkan syair-syair Jahiliyah. Kebudayaan tersebut tetap dipertahankan oleh Islam, tetapi direkonstruksi isinya agar sesuai dengan nilai-nilai Islam.

Ketiga: Kebudayaan yang bertentangan dengan Islam. Seperti menilik nasib.

Ajaran Islam telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan kemenangan yang besar dalam penyebarannya di Tanah Melayu disebabkan para pendakwah meresapkan ajaran Islam ke dalam budaya dan menjadikannya sebagai metode berdakwah (Azhar Ibrahim. 2012). Contohnya dakwah para wali Sembilan di tanah Jawa dapat dibahagi kepada dua golongan. Yang pertama, golongan *Tuban* atau di sebut *Islam Abangan* dan *moderat* iaitu mereka berdakwah secara lunak, dapat berkompromi dengan budaya dan adat setempat serta mengubah adat tersebut dengan dimasukkan nilai-nilai Islam. Golongan kedua pula dikenali dengan golongan *Aliran Islam Putih* yang membanteras segala adat dan budaya yang tidak bersesuaian dengan Islam. Golongan pertama dipimpin oleh Sunan Kali Jaga dan yang kedua oleh Sunan Giri.

Walaupun golongan kedua sedemikian tetapi masih terdapat sebahagian daripada mereka terkadang “berlembut” dalam fahaman mereka ketika berdakwah, seperti Sunan Drajat yang mengikuti golongan kedua tetapi ada beberapa ketika beliau berkompromi dengan adat setempat dalam dakwahnya, contoh yang paling nyata apabila beliau menggunakan *Gamelan* di dalam berdakwah. Dengan ini, didapati bahawa wali Sembilan yang beraliran tuban menggunakan budaya jawa seperti seni tambang, wayang kulit, gamelan dan lain-lain lagi untuk menarik manusia ke dalam agama Islam (Hidayat. 2001:30-33. Umar. 1983: 65-69). Begitu juga halnya dengan Habib Nuh Al-Habsyi yang gemar terhadap wayang China di dalam kehidupannya, dan menjadikannya sebagai tarikan terhadap masyarakat china Singapura

(Unit dakwah masjid Firdaus. 2006: 33). Mereka menyimpulkan bagaimanakah pandakwah boleh meyakinkan manusia untuk masuk ke dalam agama Islam sedangkan sebelum berdakwah budaya bangsa mereka telah dihancurkan? (Umar. 1983: 54). Inilah yang cuba diusahakan oleh Habib Ahmad Ismail di dalam acara maulidnya, agar golongan bukan Islam mengetahui bahawa Nabi Muhammad SAW datang untuk semua bangsa dan Baginda meraikan semua budaya.

Kaedah ini dapat menghilangkan sebuah tanggapan yang masih wujud pada diri sebahagian golongan bukan Islam iaitu apabila seseorang memeluk Islam sebenarnya ia menjadi Melayu. Tanggapan ini timbul apabila mereka yang memeluk Islam digalakkan untuk membudayakan budaya Melayu, dan ini menjadi penghalang terhadap usaha dakwah Islamiyah, kerana berkemungkinan seseorang itu tidak mahu menerima Islam kerana tidakmahu menukar budaya bangsanya.

Apabila acara sebegini diadakan di dalam majlis maulid ia akan lebih mendorong golongan bukan Islam untuk menghadirinya, dan yang lebih utama daripada itu adalah bertambah penghormataan mereka terhadap Nabi Muhammad, kerana melihat budaya mereka dihargai oleh orang Islam. Kerana itu atur cara majlis maulid tidak ditetapkan di dalam syara' menurut Prof Dr Muhammad Alwi: "Kami tidak mengatakan bahawa sambutan maulid mempunyai waktu atau cara tertentu yang perlu diikuti kerana tiada nas syara' yang menyuruh demikian tidak seumpama yang terjadi terhadap sembahyang dan puasa". Beliau berpendapat lagi bahawa asas mawlid itu sememangnya tetap daripada dalil syara' tetapi bagaimana ia dilaksanakan maka itu adalah daripada bahagianya ijтиhad seperti mana Al-Quran disuruh untuk disebarluaskan tetapi bagaimana cara penyebarannya itu tidak ditetapkan atau dihadkan. Beliau juga mengatakan keharusan mengadakan sesuatu yang memanfaatkan hal dunia di dalam majlis maulid dengan katanya: "Di dalam menyambut maulid tidak ditetapkan cara tertentu yang mesti diikuti atau mewajibkan yang lain mengikutinya bahkan kesemua yang baik yang membawa manfaat bagi seseorang itu bagi akhirat dan dunianya jika diadakan di dalam majlis maulid maka ia adalah bertepatan dengan tujuan maulid itu diadakan" (Al Maliki. T.t:12 & 19). Demikian juga pendapat Muhammad Ali Rifai' (A Rifai. 1996:67).

Imam Al-Sayuthi pula berkata: "Adapun yang dilakukan di dalam majlis mawlid adalah apa-apa yang membawa kepada mensyukuri Allah Ta'ala seperti membaca al-Quran, memberi jamuan, bersedekah...

Adapun selain daripada itu, seperti nyanyian dan permainan atau selain daripada keduanya, maka setiap yang harus daripadanya yang membawa kepada kegembiraan terhadap hari itu (kelahiran Baginda) tidak mengapa jika diadakan, tetapi jika ia haram atau makruh maka hendaklah ditegah” (Al-Sayuthi. T.t: 196).

Perbuatan mengadakan acara kebudayan yang harus dalam bergembira dengan hari kelahiran Baginda diambil dalilnya dari perbuatan sepupu Baginda Saidina Jaafar bin Abi Thalib, apabila ia *berhajal* ketika melihat Nabi SAW sepulangnya beliau dari Habsyah. Hajal adalah berjalan dengan satu kaki dan ia adalah salah satu cara dan ada mengatakan ia tarian yang dilakukan oleh orang Habsyah di dalam memuliakan seseorang (Al-Halabi. 2008: 71). Di dapat di dalam kisah ini Saidina Jaafar menari dengan satu tarian yang berasal dari Habsyah di dalam menunjukkan kegembiraannya terhadap pertemuan dengan Baginda setelah sekian lama terpisah dan Habsyah bukanlah negara Arab atau membudayakan budaya arab pada masa itu.

Begitu juga kaum Ansar dalam menyambut Baginda ketika tiba di Madinah dengan paluan rebana dan bernasyid. Nabi SAW tidak mengingkari perbuatan mereka. Dengan ini, Muhammad Ali Rifai’ di dalam kitabnya membahagikan cara meraikan majlis maulid kepada beberapa cara dan di dalam cara yang ke empat beliau menyebut: meraikan majlis maulid dengan menunjukkan kegembiraan dan kesukaan yang tidak menyalahi syara’ (Ar Rifai’. 1996:72).

Pengaruh majlis Habib Ahmad Ismail terhadap golongan bukan Islam Singapura: (temu bual. Md Shaifuddin 22 Aug 2013)

Seperti yang dikatakan bahawa Habib Ahmad menjemput setiap lapisan masyarakat untuk menghadiri majlis yang diadakan oleh beliau dan perkara ini sudah berjalan lebih dari 25 tahun. Kesan dan pengaruhnya terhadap golongan bukan Islam boleh didapati melalui maklum balas yang diterima. Bahkan bukti yang menunjukkan majlis ini berkesan terhadap diri mereka yang hadir daripada golongan bukan Islam adalah sambutan yang diterima pada tahun 2013 disifatkan dengan amat memeranjatkan, dan persatuan turut menyifatkannya sebagai sebuah majlis yang belum pernah diadakan sepertinya oleh orang-orang Islam Singapura dan rata-rata masyarakat bukan Islam menyambut baik majlis ini dan berharap agar mereka di jemput untuk menghadirinya setiap tahun seperti yang diluahkan pengurus *Singapore Association of*

the Visually Handicapped.

Ketiadaan majlis syarahan maulid yang biasa diadakan di dalam acara sebegini disebabkan Habib Ahmad berpendapat bahawa sifat dan akhlak Baginda telah banyak diperkatakan tetapi amat sedikit yang menerapkannya di dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, setiap murid beliau yang hadir dan melayani tetamu pada acara tersebut diminta untuk menerapkan akhlak Baginda yang telah diajar, bahkan Habib Ahmad sendiri yang memerhatikan akhlak murid-muridnya pada hari tersebut dengan dibantu oleh beberapa pelajar.

Perancangan ini berjaya memikat hati mereka yang hadir sehingga beberapa persatuan bukan Islam seperti *Metta Medical Care* dan *sree narayana mission* memberi maklum balas yang mereka sangat tertarik dengan sikap dan akhlak pelayan di dalam majlis tersebut. Dan ketika ditanya akan demikian diterangkan kepada mereka bahawa ini adalah ajaran Nabi Muhammad terhadap umatnya supaya berperikelakuan mulia kepada segenap manusia dan makhluk Allah.

Ini menjadikan mereka lebih mengenali Nabi Muhammad SAW dan dapat melihat sendiri ajaran Baginda dipraktikkan lalu tertarik kepada agama Islam. Inilah antara maklum balas yang disampaikan oleh Society For The Aged Sick.

Mengenai acara kebudayaan yang diadakan turut memberi kesan terhadap diri masyarakat bukan Islam sehingga ada antara mereka yang rasa dihargai apabila mengetahui bahawa Islam meraikan semua bangsa dan budaya. Ini menyebabkan mereka ingin lebih mengetahui tentang Islam dan ajarannya.

Melalui maklum balas seperti ini, pihak pengajur mengatakan bahawa usaha mereka selama ini telah mula membawa hasil apabila golongan bukan Islam menantikan hari keputeraan Baginda dan ingin meraikannya bersama. Di samping itu mereka dapat lebih mengenali Baginda dan ajaran yang disampaikan Baginda secara praktikal dan bukannya teori iaitu kesannya akan lebih mendalam.

PENUTUP

Penulis berharap majlis seperti ini lebih mendapat perhatian dan sokongan daripada orang-orang Islam terutama apabila di dalamnya mempunyai tujuan yang mulia daripada menanam rasa kasih dan sayang kepada Nabi Muhammad SAW dan memperkenalkan golongan

bukan Islam tentang diri Baginda serta mencerminkan penghormatan Islam terhadap bangsa dan agama lain.

Di samping itu, penulis mendapati acara kebudayaan yang dijalankan di dalamnya tiada yang bertentangan dengan syarak sama ada daripada segi mempersebahkan acara atau acara itu sendiri. Kerana setiap acara kebudayaan yang melibatkan wanita, alat muzik dan tarian yang diharamkan, atau yang menggambarkan kepercayaan bagi sesuatu agama tidak dibenarkan.

Jika demikian halnya terhadap majlis maulid ini iaitu mempunyai manfaat di dalamnya dengan memperkenalkan ajaran Islam serta menonjolkan akhlak Baginda Rasul di samping mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat berbilang bangsa di Singapura, dan jauh dari kemudaratan sama ada daripada segi acaranya atau percampuran di antara lelaki dan wanita maka tidak sepatutnya ia di pandang haram dan sebagainya kerana antara dalil yang di terima –walau terdapat khilaf di dalamnya- ialah: asal pada setiap pekerja yang bermanfaat adalah harus dan pada setiap yang mudarat adalah haram (Isnawi. 1999: 933-934). Berkata Ibnu Hajar: “Barangsiaapa yang menjaga di dalam amalannya itu (membuat maulid) kebaikan dan dijauhi kemungkaran maka ia adalah suatu perkara yang baik. (Al-Sayuthi. 1985: 63).

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Al-Asqalani, Ahmad bin Ali. 1986. *Fathul Bari*. Kahirah: Dar Ar-Rayyan lit turath

Al-Bukhari, Muhammad bn Ismail. 2006. *Sahih Bukhari*. Riyad: Maktabah Rusyd.

Al-Haitami, Ahmad bin Hajar. T:t. *Tuhfatul Muhtaj*. Beirut: Darul Fikir.

Al-Halabi, Ali bin Ibrahim. 2008. *Sirah Al-Halabiyah*. Beirut: Darul Kutub Ilmiyah.

Al-Maliki, Muhammad bin Alawi Al Hasani. N.d. *Hawla ihtifal bi zikri mawlidin Nabawi As-Syarif*. Kahirah: Dar Jawami' Kalim.

Al-Mubarakafuri, Muhammad bin Abdul Rahim. 1998. *Tuhfatul Ahwazi*. Beruit: Dar Ihya Turath A'rabi.

Al-Nasai', Ahmad bin Syua'ib. 2010. *Sunan An-Nasai'* (dicetak bersama syarahnya oleh As-Sayuthu dan As-Sindi). Kahirah: Darul Hadis.

Al-Qurthubi. Muhammad bin Ahmad. N.d. *Al-Jami' Li Akham Al-Quran*. Kahirah: Maktabah Taufiqiyah.

Al-Ramli, Muhammad bin Syihabuddin. 2012. *Nihayatul Muhtaj*. Al-Kaherah: Maktabah Taufiqiyah.

Al-Razi, Muhammad bin Umar. T:t. *Al-MAhsul*. Beirut. Muassasah Risalah.

Al-Rifai', Muhammad Ali. 1996. *Sirrul Asrar fi mawlidil Mukhtar*. Mesir: Dar Al Rifai'.

Al-Sayuthi, Abdur Rahman bin Abi Bakar. 1985. *Husnul Maqsad fi A'malil Mawlid*. Beirut: Darul Kutubil Ilmiyah.

Al-Sayuthi, Abdur Rahman bin Abi Bakar. N.d. *Al-Hawi lil Fatawi*. Beirut: Darul Fikr.

Al-Sayuthi, Abdurrahman bin Abi Bakar. 2003. *Al-Khasaisul Kubra*. Beirut: Darul Kutubil Ilmiyah.

- Al-Syawkani, Muhammad bin Ali. 1937. *Irsyadul Fuhul ila tahqiqil haq min Ilmi Usul*. Kahirah: Maktabah Mustafa Al babi Al Halabi.
- Al-Syirazi. Ibrahim bin Ali. 1957. *Al-Luma'*. Kahirah: MAktabah: Mustafa Al-Babi Al-Halabi.
- Al-Syirazi. Ibrahim bin Ali. T:t. *Al-Muhazzab*. Semarang: Maktabah Taha Putera.
- Al-Termizi, Muhammad bin Isa. 1983. *Sunan Termizi*. Beirut: darul Fikr.
- Al-Thabroni, Muhammad bin Jarir. 2001. *Jami' Al-Bayan a'n takwil ayil Quran*. Beirut: Darul Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2004. *Usul Fiqh Al-Islami*. Beirut: Darul Fikr.
- Azhar Ibrahim. 2012. "Sejarah Islam di Asia Tenggara" seminar. 30 March
- Daimah, Ahmad Abdul Baqi. 2004M. *An Nujumuz Zahirah fi jawazil ihtifal bi mawlid saidid dunya wal akhirah*. Kahirah: Dar Jawami' Kalim.
- Hasan Salah. 2007. *Qawa'idul Fiqhil Islami baina nazariyah wat thadbiq*. N.pl.
- Hidayat Ihsan. 2001. *Sunan Drajjat dalam lagenda dan sejarahnya*. N.pl
- Ibnu Hajar. Ahmad bin Ali. 1986. *Fathul Bari*. Qahirah: Darul Rayyan lil Turath.
- Ibnu Hisyam, Abdul Malik Al-Humairi. 1996. *Sirah Al-Nabawiyah*. Damsyik: Darul Khair.
- Ibnu Jauzi. N.d. *Mawlid Al-A'rus*. Kahirah: Matba'h Bahiyah Al-Misriyah.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid. T:t. *Sunan Ibnu Majah*. Qahirah: Matbah Al-Babi Al-Halabi.
- Ibnu Muflih, Ibrahim bin Muhammad. 1997. *Al-Mubdi' Syarah Al-Muqni'*. Beirut: Darul Kutub Ilmiyah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. *Raudatul Nazhir*. Tanpa pencetakan.

- Ibnu Saad, Muhammad bin Saad. 1997. *At-Thabaqatul Kubra*. Beirut: Darul Kutub Ilmiyah.
- Isnawi, Abdur Rahim bin Hasan. 1999. *Nihayatus Sul fi syarhi minhajil wusul ila ilmil Usul*. Beirut: Dar ibnu Hazm
- Jummah, Ali Muhammad. 2006. *Al-Bayanul qawim li tashih ba'dhil mafahim*. Kahirah: Darus sundus
- Jummah, Ali Muhammad. T:t Rahmatul A'lamin fi kutubil Aqdamin". *Al-Nurul Muhammadi*. Kahirah: Dar Jawami' Al-Kalim. Keluaran tahun ke empat.
- Muslim bin Hajjaj. 1998. *Sahih Muslim*. Riyadh: Darul Mughni.
- Quda, Abdul Hamid bin Muhammad Ali. 2005. *Kanzun Najah was Surur fi adi'yah allati tasyrahus sudur*. Abu Dhabi: Darul Faqih.
- Umar Hasyim. 1983. *sunan Muria antara fakta dan lagenda*. Surabaya: Menara Kudus.
- Unit Dakwah Masjid Al Firdaus. 2006. *Al-A'lamu naqshi fi zikri manaqib Habib Nuh Al Habsyi*. Singapura: Npb.

TEMU BUAL

Muhammad Shaifuddin. Penolong setiausaha maulid anjuran Habib Ahmad Ismail, Singapura. *Maklum balas golongan kafirin yang menghadiri mawlid Habib Ahmad Ismail*. (Temu bual individu). 22 August 2013.